



UNIVERSITI
MALAYA

GARIS PANDUAN GERAN PADANAN KOMUNITI NEXUS

Edisi pertama 2026

oleh Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares), Universiti Malaya

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal lain, tanpa kebenaran bertulis daripada pengarang dan penerbit, kecuali dalam hal petikan ringkas terkandung dalam ulasan kritikal dan penggunaan bukan komersial lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta. Untuk permintaan kebenaran, tulis kepada:

Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares)
Aras 6, Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
(KPPI), Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur,
MALAYSIA
umcares@um.edu.my

PERKARA	MUKA SURAT
LATAR BELAKANG	4
PENGENALAN	4
OBJEKTIF	5
KRITERIA KELAYAKAN	6
KUANTUM PEMBIAYAAN	6
TEMPOH DANA	6
DOKUMEN PERMOHONAN DANA	7

1) LATAR BELAKANG

Universiti Malaya menerusi Pusat Jalinan Masyarakat (UMCares) komited dalam memacu agenda pembangunan komuniti yang mampan dan berimpak tinggi. Sejalan dengan Visi Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030), universiti berperanan penting dalam merapatkan jurang sosioekonomi melalui pemindahan ilmu dan kepakaran kepada kumpulan sasaran yang memerlukan.

Dalam usaha memperkukuh model kerjasama antara universiti dan pihak luar, UMCares memperkenalkan Geran Padanan Komuniti Nexus (Nexus Community Matching Grant). Dana ini diwujudkan sebagai insentif kepada penyelidik UM yang berjaya memperoleh dana daripada agensi tempatan atau industri (organisasi) untuk melaksanakan projek komuniti. Inisiatif ini bukan sahaja mengiktiraf usaha penyelidik dalam membina jaringan industri, malah memastikan setiap ringgit yang dilaburkan oleh pihak organisasi mendapat nilai tambah daripada pihak universiti demi kesejahteraan masyarakat.

2) PENGENALAN

Geran Padanan Komuniti Nexus (Nexus Community Matching Grant) merupakan satu inisiatif pembiayaan strategik oleh Pusat Komuniti dan Kelestarian UM (UMCares). Ia direka khusus untuk bertindak sebagai pemangkin kepada model kerjasama "Penta Helix" yang melibatkan Akademia, Kerajaan, Media, Industri, dan Komuniti.

Dana padanan ini bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan tambahan kepada para penyelidik Universiti Malaya yang telah berjaya membina kepercayaan dengan pihak luar, sekali gus menggandakan impak projek sosial yang dijalankan.

3) OBJEKTIF

Objektif utama Nexus Community Matching Grant (NCMG) adalah untuk mewujudkan ekosistem libatsama komuniti yang dinamik melalui sokongan bersepadu antara universiti dan industri. Secara khusus, dana ini bertujuan untuk:

- a) Mengukuhkan Kerjasama Strategik UM-Industri
Mendorong para penyelidik UM untuk aktif membina jaringan kolaborasi dengan agensi tempatan dan sektor swasta melalui model pembiayaan bersama yang saling menguntungkan (win-win partnership).
- b) Meningkatkan Impak Projek Komuniti
Meningkatkan skala dan keberkesanan projek komuniti melalui penggabungan sumber kewangan, kepakaran teknikal, dan rangkaian pasaran yang dimiliki oleh pihak industri dan universiti untuk manfaat kumpulan sasar.
- c) Memperkasakan Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer)
Menyediakan platform bagi penyelidik untuk menterjemahkan dapatan penyelidikan dan inovasi universiti kepada penyelesaian praktikal yang dapat menangani isu-isu kritikal yang dihadapi oleh komuniti di lapangan.
- d) Meningkatkan Akauntabiliti dan Kelestarian Projek
Memastikan pengurusan projek komuniti dilaksanakan secara profesional dan sistematik melalui tadbir urus kewangan yang telus di bawah seliaan UMCares, sekali gus menjamin kelestarian projek dalam jangka masa panjang. Menyemarakkan Budaya Kesukarelawanan Warga UM - Mendorong penglibatan aktif pelajar dan staf dalam aktiviti kebajikan dan khidmat sosial bagi memupuk nilai empati serta tanggungjawab sivik yang tinggi dalam kehidupan seharian.

4) KRITERIA KELAYAKAN

Bagi memastikan keberkesanan dan kualiti pelaksanaan projek, permohonan dana ini tertakluk kepada kriteria-kriteria berikut:

- a) Penyelidik UM: Terbuka kepada semua penyelidik UM yang berjaya memperoleh dana daripada organisasi tempatan (kerajaan/agensi/industri).
- b) Kredibiliti Rakan Kerjasama: Organisasi rakan mestilah mempunyai keupayaan yang jelas untuk berkolaborasi dalam projek.
- c) Kompetensi Pasukan: Ketua dan ahli projek mestilah berkemahiran dalam pemindahan ilmu serta mampu menghasilkan output dan impak yang boleh diukur.

5) KUANTUM PEMBIAYAAN

a) Nisbah pembiayaan adalah seperti berikut

Dana Organisasi luar	Dana UM	Nota
3	1	Menerima dana organisasi luar sebanyak RM 10,000 dan ke atas
1	1	Menerima dana organisasi luar sebanyak RM 5,000 - RM 10,000

b) Had Maksimum: Jumlah maksimum dana padanan yang boleh diberikan adalah RM 20,000 bagi setiap projek.

c) Ketersediaan Dana: Kelulusan dan jumlah amaun yang dianugerahkan adalah tertakluk kepada ketersediaan dana semasa UMCares.

6) SKOP PEMBIAYAAN DARI UNIVERSITI MALAYA

Dana hanya boleh digunakan untuk kategori vot yang berkaitan secara langsung dengan projek seperti berikut:

KATEGORI VOT	DESKRIPSI VOT
Vot B11 (Gaji & Upah)	Pembayaran kepada kakitangan berstatus kontrak yang terlibat secara langsung dalam projek melalui sistem <i>RA Requirement System UM</i>
Vot B21 (Perjalanan & Pengangkutan)	Perjalanan ketua projek ke komuniti untuk menjalankan perbincangan / aktiviti bersama komuniti
Vot B24 (Sewa)	Sewaan ruang, peralatan, atau kenderaan (mesti melalui syarikat pengangkutan berlesen) yang berkaitan dengan projek.
Vot B27 (Bahan & Bekalan)	Perbelanjaan bahan dan bekalan yang berkaitan secara langsung dengan projek.
Vot B28 (Penyelenggaraan & Pembaikan)	Pengubahsuaian/pembaikan kecil peralatan atau item projek. Renovasi makmal/pejabat tidak dibenarkan.
Vot B29 (Perkhidmatan Profesional)	Perkhidmatan khas seperti upah enumerator, analisis kimia, pemprosesan data, dan penggunaan kemudahan komputer.

7) TEMPOH DANA

a) **Tempoh Projek:** Tempoh dana adalah berdasarkan tempoh yang telah dipersetujui dalam kontrak antara Universiti Malaya dengan organisasi rakan kerjasama.

b) **Permohonan Lanjutan:** Sebarang permohonan untuk lanjutan tempoh projek bagi skim dana ini mestilah dikemukakan secara bertulis kepada Pengarah UMCares untuk pertimbangan dan kelulusan.

8) DOKUMEN PERMOHONAN DANA

Pemohon hendaklah menyertakan butiran caruman dana padanan di dalam dokumen permohonan yang sama bagi Geran ini:

- a) Borang Permohonan (Borang Permohonan Komuniti Universiti Malaya (Tier 2)):
 - i) Maklumat terperinci mengenai Kolaborasi Sedia Ada (Established Collaboration).
 - ii) Perancangan belanjawan bagi permohonan dana dari Universiti Malaya
- b) Borang Butiran Rakan Kolaborasi:
 - i) Borang Rakan kolaborasi
 - ii) Bukti penyaluran dana dari rakan kolaborasi (monetary contribution).
- c) Borang Butiran Komuniti UMCares:
 - i) Maklumat lengkap komuniti sasaran bagi setiap projek.
 - ii) Jika organisasi luar mensasarkan komuniti yang berbeza, borang berasingan mestilah dilengkapkan bagi setiap kumpulan sasaran tersebut.